



Berusia 66 tahun, BH terus menggalas harapan rakyat dan amanat Raja-Raja Melayu

Julai 1, 2023 @ 1:36pm

Hari ini, BH meraikan ulang tahun ke-66 sejak akhbar bahasa Melayu pertama dalam tulisan rumi dengan nama Berita Harian (BH) dicetak dan diedarkan pada 1 Julai 1957.

Seawal kewujudannya, BH membawa harapan dan amanat termasuk Raja-Raja Melayu sebagai akhbar bebas dan berkecuali, mengemukakan laporan adil serta tepat dan memberikan pandangan dan teguran membina tanpa halangan atau campur tangan termasuk kerajaan bertujuan memberi manfaat besar kepada negara.

Seperti akhbar lain di negara ini BH turut berhadapan cabaran pada zama 'di belakang duri di depan api' seperti diungkap Sasterawan Negara (SN), Datuk Usman Awang atau 'dirakam betapa hartawan atas i kata dan betapa kuasawan cemari arah' oleh SN, Datuk Seri A Samad Said, sekali gus membentangkan jalan sukar kewartawanan serta media selama lebih enam dekad.

Bagaimanapun, perubahan politik negara dengan peralihan beberapa kerajaan berangkai dengan cabaran pandemik dan ekonomi global, BH berlitzam menjadi wadah pembaharuan, sekali gus bertindak sebagai kuasa keempat pelaksana tugas semak dan imbang dalam mendukung demokrasi sihat serta penyampai denyut nadi rakyat agar kepentingan mereka terpelihara.

Justeru, BH mahu menjadi media rujukan massa, bebas dan berkecuali dengan liputan dan laporan berimbang, adil dan tepat.

Tidak hanya dalam bentuk konvensional, iaitu akhbar cetak sebagai tradisi persuratkhabaran yang dipelihara, bahkan BH juga merentas pelbagai platform digital sama ada laman web atau media sosial.

Dengan ini, BH menawarkan ruang wacana dan dialog awam antara kerajaan dan instrumennya serta ahli politik dan parti dengan semua pemegang taruh terutama rakyat, masyarakat civil dan madani, badan korporat dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Oleh itu, BH bukan sahaja membuka halaman kepada berita pelbagai pihak secara berimbang dan berfakta, akhbar ini juga menyediakan sekurang-kurangnya empat muka surat untuk menyiarkan rencana, komentar dan surat pembaca setiap hari.

Pakar pelbagai bidang termasuk politik, ekonomi, sosial, pendidikan, teknologi, alam sekitar dan pengurusan diberi peluang untuk berkongsi pandangan serta saranan demi kepentingan negara serta rakyat, sekali gus memberikan input kepada sektor kerajaan dan swasta.

Malah, BH sendiri melaksanakan peranan memberikan kritikan membina melalui Minda Pengarang disiarkan di halaman 2 setiap Isnin hingga Sabtu dan Belalang di halaman 11 bagi edisi Ahad tanpa mengira kedudukan sama ada kerajaan mahupun pembangkang serta semua pemegang taruh sekiranya melihat berlaku kesilapan dan kekhilafan atau keperluan kepada idea dan saranan lebih baik untuk negara dan rakyat.

Di sebalik iltizam menjadi tiang seri keempat demokrasi dan memiliki hak kebebasan media, BH memahami tanggungjawab menjaga keamanan negara dan keharmonian masyarakat hingga laporan serta tulisan memanipulasi dan mengeksplorasi sentimen kaum dan agama tidak disiarkan termasuk yang bercanggah dengan semangat Perlembagaan dan Rukun Negara.

Perjuangan BH dengan semangat baharu dibawa sidang pengarang dan wartawan serta semua individu yang turut menumpahkan peluh untuk mencetak tinta hitam di akhbar ini, tepat dan tetap segar seperti dicatatkan A Samad Said yang juga mantan Ketua Pengarang BH dalam puisinya, Hemah Sebuah Akhbar sempena sambutan setengah abad akhbar ini:

Jalan yang jauh tak tercapai sesiapa;

denai pintasan tak selalunya selesa.

Sebaik taufan gugah menguji negara,

pewaris inilah penyelamat utama.